

Petikan di bawah mengandungi **sebelas** kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Yayasan Salam

Yayasan Salam Malaysia atau ringkasnya SALAM ialah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1997. Penubuhannya bertujuan untuk menanamkan lagi semangat sukarelawan di kalangan masyarakat.

Para sukarelawan SALAM menganjurkan pelbagai jenis program-program kebajikan. Untuk menjalankan program ini SALAM mendapat sumbangan dari badan korporat, kerajaan, dan orang ramai.

Sukarelawan SALAM juga memberikan perkhidmatan di dalam dan luar negara. Mereka pernah bertugas di Aceh, Nias, dan Sri Langka ketika Tsunami pada tahun 2004. Sukarelawan SALAM turut menghulur bantuan kemanusiaan pada mangsa perang di Palestin, Pakistan, Afganistan dan Iran.

Antara sumbangan SALAM dalam negara termasuklah memberikan bantuan kepada mangsa banjir. Sukarelawan SALAM juga memujuk mangsa penyalahgunaan dadah agar kembali di pangkal jalan. Bimbingan pada ibu tunggal yang berminat untuk menjadi usahawan kecil turut diberikan.

SALAM menganggap berkhidmat sebagai sukarelawan sebagai kerja amat bermakna berkesan untuk membantu masyarakat menjalani kehidupan lebih baik. Justeru itu, SALAM menyediakan sukarelawan yang sanggup berkhidmat kepada masyarakat dan komuniti yang memerlukan bantuan daripada mereka. Perkongsian pengetahuan dan kemahiran di antara sukarelawan dan masyarakat akan boleh dapat mewujudkan kehidupan yang sejahtera.

Dipetik daripada,
Sayangi Malaysiaku,
Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,

Kementerian Pendidikan Malaysia.

KESALAHAN	PEMBETULAN
menanamkan lagi semangat	
pelbagai jenis program-program	
sumbangan dari badan	
menghulur bantuan kemanusiaan	
pada mangsa perang	
kembali di pangkal	
bimbingan pada ibu tunggal	
menganggap berkhidmat sebagai	
amat bermakna berkesan	
Justeru itu	
kemahiran di antara sukarelawan	